

14/05/1997

Umno, NST adakan pameran gambar

KOTA KINABALU, Selasa - Badan Perhubungan Umno Sabah dengan kerjasama The New Straits Times (NST) akan mengadakan Pameran Koleksi Gambar Perjuangan Umno 50 Tahun di Ruang Legar, Tingkat Bawah, Wisma Muis, selama lima hari mulai 22 Mei ini.

Setiausahanya, Datuk Yahya Hussein, berkata pameran itu berkisar kepada gambar perjuangan Umno sejak ditubuhkan pada tahun 1946 di Semenanjung Malaysia oleh Allahyarham Datuk Onn Jaafar sehingga sekarang.

Turut dipamerkan ialah gambar sejarah penubuhan dan perjuangan Umno di negeri ini sejak tahun 1991.

Pameran itu akan dirasmikan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam.

"Gambar yang dipamerkan itu adalah koleksi NST sejak tahun 1946 sehingga 1996. Pameran bergerak itu sudah diadakan di seluruh negeri di Semenanjung dan Sabah menjadi destinasi terakhir pameran berkenaan," katanya.

Yahya berkata, pameran pertama diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur sempena Perhimpunan Agung Umno pada 11 Oktober 1996 yang dirasmikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Berikutan kejayaan pameran itu, pucuk pimpinan Umno mencadangkan semua negeri menganjurkan pameran berkenaan untuk pengetahuan ahli dan generasi muda di negara ini.

"Pameran seperti ini amat bermakna bukan saja kepada Umno Sabah tetapi juga kepada penduduk negeri ini untuk mengetahui perjuangan Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan sejak dahulu hingga kini," katanya.

Yahya berkata, pameran itu nanti bukan saja mencerminkan susur galur dan sejarah perjuangan Umno sejak ditubuhkan, tetapi juga jasa dan tanggungjawab pemimpin Umno dalam memperjuangkan parti bagi kesejahteraan rakyat dan kemerdekaan negara.

"Bagi Umno Sabah, pameran ini penting kerana Umno yang menjadi tonggak Barisan Nasional Sabah sekarang bermula pada awal tahun 1991," katanya.

Pameran itu juga dapat membantu penyelidikan sejarah Umno untuk menambah pengetahuan mengenai perjuangan parti berkenaan sejak 51 tahun lalu.

Yahya berharap ahli Umno dan masyarakat di sekitar Kota Kinabalu dapat mengunjung pameran yang diadakan secara percuma dari jam 9 pagi hingga 8 malam.

(END)